

**Najib Akan Diberi Sambutan Meriah Dalam Lawatannya Ke Kuala Nerus Khamis Ini
Bernama
7 Ogos, 2012**

KUALA TERENGGANU, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan diberi sambutan meriah semasa menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat Terengganu di Kuala Nerus, Khamis ini, kata Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu, Datuk Tengku Putera Tengku Awang.

Beliau berkata, persiapan menyambut kedatangan Najib yang dijangkakan hadir menyampaikan bantuan jubah kepada imam dan bilal di padang bola, bersebelahan Masjid Kampung Padang Nanas di sini pada sebelah petang yang dijangka dihadiri sekitar 10,000 tetamu.

"Sebelum majlis berbuka puasa nanti, Perdana Menteri akan menyampaikan bantuan jubah kepada imam dan bilal di kawasan Parlimen itu," katanya kepada Bernama ketika ditemui semasa membuat tinjauan kerja-kerja persiapan majlis berkenaan di sini, pada Selasa.

Beliau yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu berkata Najib juga akan menyampaikan sumbangan Ihsan Ramadan kepada anak yatim, orang kurang upaya, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang berkemampuan di kawasan itu.

Perdana Menteri dijadual menunaikan solat Isyak dan bertarawih di Masjid Wakaf Tembesu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686298>

